

14/10/2003

Pelajar jadikan gambar kajian

KUALA LUMPUR: Pameran 'Seribu Wajah Dr Mahathir: Penghargaan Untuk Seorang Negarawan' di Balai Seni Lukis Negara sejak 6 Oktober lalu bukan saja menjadi tumpuan orang ramai untuk melihat gambar Perdana Menteri tetapi juga pelajar kolej untuk membuat kajian.

Pameran selama dua bulan itu menjadi tempat pameran gambar berkualiti dan artistik yang dirakam jurugambar profesional media tempatan yang boleh dijadikan rujukan pelajar berkenaan.

Seorang pelajar Akademi Kewartawanan dan Informasi Institut Taaima (Akit), Jun Chan, 19, berkata beliau mengunjungi pameran itu untuk mendapatkan maklumat mengenai tugas yang diarahkan pensyarahnya.

"Kami ada menerbitkan majalah dalaman untuk kolej, jadi kami ke sini untuk menemuramah orang ramai dan mendapatkan maklumat lanjut mengenai pembabit Dr Mahathir selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

"Menerusi gambar yang dipamerkan, kami dapat lebih banyak maklumat mengenai dunia kewartawanan dan cara mengambil gambar yang baik," katanya di sini, semalam.

Rakannya Vic Yin, 18, mengetahui berkaitan pameran itu menerusi pensyarahnya dan dia bersama 17 rakan lain mengunjungi pameran itu semalam.

Katanya, dia cuba mempelajari serba sedikit kaedah menjadi seorang wartawan yang baik dengan mempraktikkan apa yang dipelajari di kolej dan gambar yang ditunjukkan pada pameran itu.

Ada 1,031 gambar Dr Mahathir dipamerkan di pameran gambar terbesar dalam sejarah itu yang juga diiktiraf sebagai pameran bertaraf antarabangsa kerana rekod setakat ini menunjukkan pameran gambar terbesar pernah diadakan di negara ini membabitkan 250 gambar saja.

Pameran gambar itu adalah sumbangan media tempatan membabitkan semua media cetak dan stesen televisyen untuk menghargai jasa Dr Mahathir. Ia dibuka kepada orang ramai mulai 7 Oktober antara jam 10 pagi hingga 6 petang setiap hari dan masuk adalah percuma.